

PM mahu penyelesaian tuntas atasi isu dadah, rokok elektronik

BERITA HARIAN 19 JUN 2025

m/s: 4

Masalah berlarutan sekian lama meskipun pelbagai pendekatan digerakkan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu isu penularan dadah dan penggunaan rokok elektronik dalam kalangan generasi muda, dibincangkan secara serius serta dirangka jalan penyelesaian yang tuntas.

Perdana Menteri menegaskan, masalah yang berlarutan sejak sekian lama itu belum menemui penyelesaian berkesan, meskipun pelbagai pendekatan digerakkan sebelum ini.

“Kita lihat orang Melayu ini (masalah) dadahnya berat, tadi (dalam) mesyuarat Jemaah Menteri, kita bincang masalah dadah dan vape dalam kalangan anak-anak kita, tolonglah bincang, carilah jalan kaedah mana pun.

“Apakah perlu dana? Apakah perlu kaunseling? Perlu

dakwah? Beritahulah kerana berpuluh tahun kita fikir (masalah ini) belum selesai.

“Betul ada anak Cina, anak India ramai juga dalam kalangan mereka, tetapi lebih parah dalam kalangan anak Melayu, membunuh jiwa mereka dari kecil. Kenalah lakukan sesuatu, kena bincang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Seminar Kenegaraan Malaysia MADANI: Guru Pemangkin Patriotisme Negara di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Laksana pelbagai usaha

Dalam pada itu, Anwar mengakui masih banyak masalah yang belum dapat diselesaikannya, namun pelbagai usaha sedang dilaksanakan untuk menganganinya.

“Saya tahu saya belum dapat selesaikan masalah kemiskinan rakyat, belum lagi dapat naikkan mutu pendidikan, saya belum lagi berhasil untuk mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang cemerlang, saya belum dapat mengembangkan dakwah Islam dan kesedaran Islam dalam kalangan pelajar.

“Sebab itu di sekolah selain daripada pengenalan buku mengenai cara dakwah yang bi-



Anwar beramah mesra dengan sebahagian pesara guru selepas Seminar Kenegaraan Malaysia MADANI: Guru Pemangkin Patriotisme Negara di Putrajaya, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

jaksana, jangan terlalu keras, jangan terlalu hukum, jangan terlalu cepat menghina orang, jangan terlalu cepat mengkafirkan orang, itu yang kita mulla,” katanya.

Terdahulu, Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil, ketika sidang media pasca mesyuarat

Kabinet, memaklumkan platform dalam talian yang membenarkan penjualan produk terlarang termasuk dadah dicampur dalam cecair vape akan dikenakan tindakan tegas.

Beliau berkata, tindakan sama juga akan diambil ke atas individu yang berbuat demikian.

Katanya, satu mesyuarat bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali akan diadakan dalam masa terdekat untuk membincangkan penguatkuasaan itu.